

inSPIRED

richworks.com/inspired

**BUSINESS
TALK**

7 TIP USAHAWAN
KEKAL SIHAT
DAN BERTENAGA

AKMAL TAMILI

*Belajar Daripada Perkongsian
Usahawan Lain*

RICHWORKS
Di Sini Lahirnya
Usahawan Jutawan

25 JUN 2023 | BIL: 10
WWW.RICHWORKS.COM

BERMULA DARI BAWAH

Bermula dari 9 tahun lepas, Akmal Tamili mula mengambil alih syarikat Anjang Global Sdn. Bhd. daripada bapanya. Bagaimanapun, Pengarah Urusan itu tidak terus berada di atas sebaliknya bermula sebagai 'kuli' bagi perkhidmatan pemasangan, pembuatan dan konsultasi bagi aluminium di Temerloh, Pahang.

Keadaan itu membuatkan Akmal membina kepakaran dan lebih faham dengan selok-belok perniagaan yang akan diwarisi.

Terdahulu, beliau merupakan lepasan vokasional Temerloh sebelum menyambung ke peringkat diploma Institut Latihan Perindustrian (ILP) Terengganu dalam bidang Pengurusan Integrasi Pembinaan Bangunan Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebelum menyambung pengajian ijazah dan peringkat sarjana UMP kampus luar.

Meskipun perlu bekerja di syarikat, sudah menjadi rutin beliau pada Sabtu dan Ahad mengikuti kelas pengajian di Gambang yang mengambil masa sekitar 40 ke 50 minit dari Temerloh.

"Semasa belajar, saya mula membina *networking* dan *circle* dalam industri berkaitan.

"Keadaan ini membuka minda dan membantu memudahkan lagi bisnes berkembang," ujarinya.

MENGENALI RICHWORKS

Dalam masa sama, ketika itu juga Akmal sudah mula mengenali RichWorks dan

Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr. Azizan Osman melalui video-video dikongsikan dalam media sosial dan YouTube.

"Saya mengenali Dr. Azizan bila mana seorang kenalan saya dibimbing di bawah RichWorks.

"Ketika itu saya hanya mengikutinya saja bila ada apa-apa kelas percuma dan dapatkan sedikit sebanyak panduan mengenai bisnes daripadanya. Masa itu saya belum terbuka hati lagi nak sertai kelas RichWorks kerana skeptikal," katanya mengimbuai masanya bermula.

Bagaimanapun, Akmal mendapati bila lebih mengenali RichWorks bahawa kaedah dan pemikiran yang dibawa serta *circle* usahawan mereka sangat berbeza!

"Saya sertai *circle* RichWorks secara serius ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan sertai pementoran Spire pada Februari 2021.

"Dalam apa saja perkara dibuat dan dilalui termasuk filem yang ditonton, sebenarnya ada *learning point* yang boleh dijadikan pengajaran untuk kita mahupun orang lain.

"Setiap perkongsian usahawan *circle*



RichWorks, *wins* atau perkara betul dilakukan mahupun cabaran dihadapi membolehkan usahawan lain belajar daripada pengalaman yang mahal itu," jelasnya.

Walaupun tiada usahawan yang melakukan bisnes sama sepertinya, beliau masih dapat 'tiruvasi', belajar pelbagai aspek yang boleh diguna pakai dalam bisnes sendiri.

"Pada mulanya saya tak nak sertai sebab takut tak boleh komited mengikuti bimbingan selama 12 bulan yang mungkin akan merugikan diri dan bisnes saja," ujar usahawan itu.

SKEPTIKAL BILA IKUTI BIMBINGAN

Bimbingan dalam Spire yang diikutinya dibayar dengan duit poket sendiri, bukannya daripada duit syarikat pun.

Namun, tetap ada ahli pasukannya yang skeptikal tentang mengapa perlu Akmal 'bazir' duit bagi mengikuti bimbingan selama 12 bulan itu.

"Bapa saya pun ada cakap, bukan ke saya sudah belajar sampai master, takkan tak tahu lagi.

"Saya ambil langkah berdiam diri dan nak buktikannya melalui perubahan dan *results* yang ada nanti," katanya.

Masa menjadi saksi, perubahan dalam dirinya mulai dilihat sahabat terdekat. Bukan hanya soal kewangan, pengetahuan, adab dan keterampilan, bahkan ini termasuklah soal aspek perhubungan dengan Pencipta serta sesama manusia, ahli keluarga dan orang sekeliling.

Dalam Spire juga, bisnes semakin berkembang dengan struktur syarikat lebih tersusun, sudah ada jabatan-jabatan dan pembahagian tugas yang jelas.

"Sekitar enam bulan dibimbing, sudah nampak hasil daripada segi kepimpinan, komunikasi untuk meyakinkan pasukan dan orang lain.

"Apa yang menggembirakan bila ayah saya cakap 'ok'. Itu saja menunjukkan dia menyokong tindakan saya untuk dibimbing



kerana ayah jenis orang tak cakap banyak," kongsinya.

Tidak berhenti di situ, Akmal terus perbaiki diri dan tambah baik lagi bisnesnya dengan menguruskan masa lebih berjadual. Ada masa untuk bisnes, keluarga dan pembelajaran.

"Saya melihat sangat penting untuk mempunyai jadual ini, agar kita dapat menjaga hubungan dengan semua orang 'berkepentingan' dalam hidup ini.

"Letakkan mana satu *priority* kita dan dalam masa sama pasukan mula nampak *results*," katanya.

RMI JUTA PERTAMA

Pada 2022, kejayaan baginya apabila perubahan pemikiran dan pengetahuan pasukan dengan ada keberanian buat keputusan di lapangan dan boleh uruskan sendiri tanpa hanya berharap kepada beliau.

"Mereka bila didedahkan dengan ilmu, menetapkan konteks yang betul dan

pembahagian tugas dan peranan buatkan mampu untuk buat keputusan sendiri.

"Saya ikuti cara Dr.Azizan dengan mendengar dan bertanyakan apa penyelesaian boleh dibuat dan cadangan ahli pasukan. Tak salah untuk mengkritik, namun berikan juga cadangan buat mereka atau cari jalan bagi atasinya," jelasnya.

Selain itu, syarikat yang dahulunya berstatus milikan tunggal kini sudah didaftar sebagai sendirian berhad bermula pada April 2022. Mereka juga merancang untuk menguasai daerah Temerloh dan sekelilingnya pada tahun ini.

"Alhamdulillah, pada 2021 kami sudah berjaya capai RMI juta yang pertama.

"Sebelum mencapainya, memang rasa susah. Namun, bila mindset diri dan pasukan mulai diubah, maka kita akan lebih *align* dengan taktik dan strategi yang lebih efektif," ujarinya.

Tambahnya, Anjang Jaya terus ditambah




baik dengan mempunyai 14 staf dengan dua buah lori syarikat di samping sistem stok dan mempercepatkan lagi operasi.

Kemudian pada tahun 2022, syarikatnya sudah mempunyai 16 orang staf dengan tambahan sebuah lagi lori. Di samping itu, Akmal juga mulai menjadi tempat rujukan sahabat-sahabatnya dalam dunia keusahawanan.

“Beberapa sekolah dan institusi pun ada memanggil saya untuk kongsi pengalaman mengenai bagaimana menjadi usahawan dan aspek kepimpinan,” ujarnya.

Perkara yang disyukurinya juga bila mana beliau melihat ahli pasukannya menaik taraf hidup dan diri seperti membeli kenderaan baharu dan dapat bantu keluarga masing-masing.



3

PESANAN

1

PERTAMA, TIADA YANG MUSTAHIL.

"Cuma kita kena cari jalan dengan tekad yang kuat.

"InsyAllah bila kita ada *big why* sangat kuat, akan mendorong bagi melakukan tindakan yang perlu untuk mencapainya," jelas Akmal.

2

KEDUA, JANGAN TINGGALKAN CIRCLE YANG BETUL.

"Bagi saya *circle* sangat bernilai yang boleh membantu dan menyokong pertumbuhan bisnes anda dan bahkan manfaat kepada diri ini," ujarnya.

3

KETIGA, JAGA HUBUNGAN DENGAN PENCIPTA.

"Sangat penting untuk kita mendekatkan diri kepada Allah SWT yang berkuasa dan membuatkan kita berjaya atau tidak.

"Jika Dia tak benarkan, apa-apa pun kita buat tak mungkin akan dapat mencapainya," tegas Akmal lagi.



BUSINESS TALK

7 TIP USAHAWAN KEKAL SIHAT DAN BERTENAGA

Bagi usahawan yang sibuk menguruskan perniagaan, menjaga kesihatan dan kecerdasan adalah sangat penting.

Mungkin ada masanya makan pun tak sempat, kejar *meeting*, jumpa pelanggan dan uruskan rumah tangga.

Walau sibuk, janganlah sampai abaikan kesihatan. Memiliki tubuh badan yang sihat membolehkan kita melaksanakan aktiviti harian tanpa halangan.

Berikut adalah beberapa petua untuk usahawan kekal sihat dan aktif setiap hari:

1 TETAPKAN MASA UNTUK AKTIVITI FIZIKAL

Tetapkan masa pada jadual harian anda untuk melakukan aktiviti fizikal seperti bersenam, berjalan atau berlari. Aktiviti fizikal membantu meningkatkan kecergasan, mengurangkan tekanan, dan meningkatkan kejelasan mental. Anda boleh menetapkan jadual tetap untuk melakukan aktiviti fizikal ini dan memastikan komitmen terhadapnya.

2 AMALKAN GAYA HIDUP SIHAT

Pastikan anda makan makanan seimbang yang kaya dengan nutrien penting. Elakkan makanan segera yang terlalu banyak gula dan garam. Amalkan penghidratan yang mencukupi dengan meminum air yang secukupnya. Selain itu, tidur yang mencukupi dan berkualiti adalah



penting untuk pemulihan dan kecergasan. Cuba dapatkan 7-8 jam tidur setiap malam.

3 AMALKAN TEKNIK PENGURUSAN TEKANAN

Menguruskan tekanan adalah penting untuk kestabilan mental dan fizikal. Cari teknik pengurusan tekanan yang sesuai untuk anda, seperti meditasi, pernafasan dalam, senaman pernafasan atau aktiviti santai seperti membaca buku atau bermain alat muzik.

4 MEWAKILKAN DAN MENGUTAMAKAN TUGAS

Mengurus perniagaan sahaja boleh menjadi sangat menggembirakan. Belajar untuk lepaskan tugas yang boleh dikendalikan oleh orang lain dan fokus pada tugas yang paling penting dan menambah nilai kepada perniagaan anda. Menetapkan keutamaan dengan baik akan membantu melegakan tekanan dan memberi ruang untuk keseimbangan dalam hidup anda.

5**AMBIL CUTI DAN REHAT**

Jangan takut untuk mengambil cuti. Rehat yang berkualiti membantu meningkatkan produktiviti dan kecerdasan. Jadualkan percutian atau pergi segarkan diri agar badan tidak berasa terlalu penat atau bosan.

6**TETAPKAN SEMPADAN**

Luangkan masa untuk keluarga, rakan, minat atau hobi yang anda suka. Memupuk hubungan yang seimbang dan mendapatkan sokongan daripada mereka yang paling rapat dengan anda adalah penting untuk kesejahteraan emosi serta motivasi.

7**TERUS BELAJAR**

Jangan lupa untuk terus belajar dan berkembang sebagai seorang usahawan. Cari peluang untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang perniagaan anda. Mengambil kursus, membaca buku, atau menghadiri seminar dan persidangan boleh memberikan inspirasi baharu, meningkatkan keyakinan diri, dan membangunkan kemahiran yang diperlukan.

Bagi yang beragama Islam, jaga hubungan kita dengan Allah SWT. Semoga kehidupan dan perniagaan kita memberi manfaat di dunia dan akhirat.



TM



NAK GROW BISNES?

binabisnesberjaya.com

inSPIREDTM
E- MAGAZINE UNTUK BANGSA USAHAWAN



RICHWORKS[®]
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

PENAFIAN : Nasihat yang diberikan dalam majalah ini merupakan nasihat secara am. Ia disediakan tanpa mengambil kira objektif, situasi kewangan atau keperluan anda. Sebelum melakukan tindakan, anda perlu menilai kesesuaian nasihat diberikan mengikut situasi & keperluan masing-masing.